

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kompleks Sukan yang telah dibina di Sabah mengikut daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kompleks sukan di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang telah siap dibina di Sabah adalah seperti berikut:

- a. Kompleks Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah, Putatan – yang mempunyai kemudahan seperti:
 - i. Gelanggang badminton
 - ii. Gelanggang bola tampar
 - iii. Gelanggang sukan pelbagai guna
 - iv. Dewan serbaguna
 - v. Bilik kuliah
 - vi. Asrama penginapan

- b. Kompleks Sukan Komuniti Libaran, Sandakan – yang mempunyai kemudahan seperti:
- i. Gelanggang sepak takraw
 - ii. Gelanggang badminton
 - iii. Gelanggang bola tampar
 - iv. Gelanggang bola jaring
 - v. Gelanggang luar
 - vi. Dewan serbaguna

Sekian, terima kasih.